

## 8 | GARIS PANDUAN PENAMPILAN PELAJAR

Peraturan pakaian pelajar yang ditetapkan oleh Universiti Putra Malaysia adalah seperti berikut:

- 8.1 Semua pelajar hendaklah berpakaian yang sesuai dengan amalan biasa masyarakat Malaysia. Selaku bakal para intelek negara, pelajar perlulah sentiasa mengamalkan pemakaian pakaian yang bersih, kemas dan bersopan semasa berada di kampus.
- 8.2 Pelajar tidak dibenarkan memakai pakaian yang mendedahkan tubuh badan mereka dan memakai penutup muka.
- 8.3 Pelajar hendaklah patuh kepada semua arahan dan amalan pakaian yang dikuatkuasakan oleh fakulti /pusat/bahagian terutama di makmal, di ladang, semasa berurusan dengan pegawai universiti dan juga semasa menjalani latihan amali /mengajar dan sebagainya.
- 8.4 **Pelajar lelaki yang berambut pendek** sahaja akan dibenar mendaftarkan diri. Sesiapa yang didapati tidak mematuhi peraturan rambut pendek adalah disifatkan sebagai melanggar peraturan universiti. Pelajar juga dilarang mewarnakan rambut mereka, selain daripada warna asal rambut.
- 8.5 Peraturan Pakaian Pelajar
  - 8.5.1 Pelajar hendaklah berpakaian yang sesuai sebagai seorang pelajar universiti dengan menunjukkan kekemasan, kerapian, keceriaan dan kesopanan dalam berpakaian.
  - 8.5.2 Pelajar diwajibkan berpakaian sopan (baju kemeja, T-berkolar, berkasut, berseluar panjang, berskirt panjang di bawah paras lutut).
  - 8.5.3 Pelajar tidak dibenarkan berpakaian yang ketat dan mempamerkan susuk tubuh, mendedahkan tubuh badan, menjolok mata dan memakai penutup muka (berskirt di atas paras lutut atau berseluar pendek, berbaju T tanpa kolar, berbaju tanpa lengan, berseluar/berskirt ketat, berselipar, berpurdah, berseluar jeans lusuh, bertindik bagi lelaki dan keterlaluan bagi perempuan) di tempat berikut:
    - Dewan Kuliah
    - Bilik Makmal
    - Pejabat Pentadbiran
    - Fakulti dan Pusat Pengajian
    - Perpustakaan
    - Pusat Kesihatan Universiti
    - Kolej Kediaman
  - 8.5.4 Semasa berurusan rasmi atau berada di dewan kuliah tidak dibenarkan memakai topi.
  - 8.5.5 Arahan pakaian ini tidak mengurangkan apa-apa arahan mengenai pakaian oleh mana-mana fakulti atau jabatan kepada pelajar masing-masing kerana tujuan-tujuan tertentu.